

## Perkembangan Syarikat Percetakan *Qalam Press*, 1948-1969

MOHD SHAHRUL AZHA MOHD SHARIF

ARBA'IYAH MOHD NOOR

*Universiti Malaya*

MOHD FIRDAUS ABDULLAH

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

### ABSTRAK

Selepas perang dunia kedua, banyak syarikat percetakan Melayu ditubuhkan bagi memeriahkan lagi industri percetakan dan persuratkhabaran yang terdapat di Tanah Melayu. *Qalam Press* merupakan antara syarikat percetakan persendirian Melayu yang telah ditubuhkan oleh Syed Abdullah bin Hamid Al-Edrus (Edrus) dan dilihat berperanan penting dalam penerbitan majalah, novel dan karya-karya keagamaan sepanjang tempoh yang dinyatakan. Malah *Qalam Press* turut mempunyai pelbagai strategi dan cara tersendiri bagi menjadikan penerbitan mereka sentiasa relevan serta berdaya saing dengan syarikat percetakan lain. Walau bagaimanapun, syarikat penerbitan ini turut menghadapi konflik dan masalah yang tersendiri hingga menyaksikan pelbagai tindakan susulan diambil bagi menyelesaikan permasalahan yang dinyatakan. Maka dengan itu, penyelidikan ini ingin melihat sejauh mana *Qalam Press* berjaya meletakkan syarikat mereka sebagai antara syarikat percetakan persendirian Melayu terkemuka di Tanah Melayu bermula dari tahun 1948 sehingga tahun 1969. Penyelidikan ini merupakan penyelidikan sejarah berbentuk kualitatif yang turut mengaplikasi kaedah sejarah lisan. Sumber penyelidikan diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan IPTA di seluruh Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia, jabatan kerajaan dan lain-lain lagi. Hasil kajian mendapati, *Qalam Press* berjaya menjadi salah sebuah syarikat percetakan persendirian Melayu yang bertahan lama dalam industri percetakan di Tanah Melayu disebabkan pelbagai strategi pemasaran dan pengurusan yang dijalankan oleh pihak syarikat yang dilihat membantu perkembangan *Qalam Press*.

**Kata kunci:** *Qalam Press*, Syarikat Percetakan Persendirian Melayu, Majalah, Novel, Karya Keagamaan.

## The History of *Qalam Press* Printing Companies, 1948-1969

### ABSTRACT

After the second world war, many Malay printing companies were formed to enliven the printing and newspaper industry in Malaya. *Qalam Press* was one of the Malay private printing companies established by Syed Abdullah bin Hamid Al-Edrus (Edrus), who played an important role in the publication of magazines, novels and religious works during the period stated. *Qalam Press* also has various strategies and ways to make the publications relevant and competitive compared to other printing companies. However, the publishing company also faced conflicts and problems of its own that caused various actions to be taken to resolve the problems mentioned. Thus, this research aims to evaluate *Qalam Press*'s success in positioning themselves as one of the leading Malay private printing companies in Malaya from 1948 to

1969. This research is qualitative historical research that also applies oral history methods. Research resources were obtained from the National Archives of Malaysia, IPTA Libraries throughout Malaysia, the National Library of Malaysia, government departments and others. The study found that *Qalam Press* succeeded in becoming one of the long-lasting Malay private printing companies in the printing industry due to various marketing and management strategies carried out by the company which is seen to help the development of *Qalam Press*.

**Keywords:** *Qalam Press, Malay Private Printing Company, Magazine, Novel, Religious Work.*

### PENGENALAN

Peranan Singapura sebagai pusat perdagangan telah menjadikan bandar tersebut sebagai tumpuan para wartawan, penulis, sasterawan dan bintang filem untuk melestarikan karya mereka sekali gus merancakkan industri percetakan dan persuratkhabaran. Fenomena ini mendorong banyak syarikat percetakan tumbuh bagi cendawan tumbuh selepas hujan seperti *Al-Imam Printing Co. Ltd.*, *Utusan Melayu Press*, *Royal Press*, *Pustaka Harmy*, *Pustaka H.M. Ali*, *Muslim Publishing House Ltd.*, *Geliga Press*, *Melayu Raya Press*, *Saidah Press*, *Amin Press*, *Percetakan Haji Omar*, *Percetakan Haji Abdul Rahman*, *Ahmad Press*, *Al-Ahmadiah Press* dan *Qalam Press*. Situasi ini telah menyebabkan Singapura menjadi pusat edaran akhbar Melayu yang terbesar dan menjadi lokasi jualan yang paling laris bagi akhbar, majalah mahupun buku. Sejak 1945 sehingga 1958, sebanyak 515 buah penerbitan Melayu telah diterbitkan di Singapura. Daripada jumlah itu, 213 buah buku cerita rekaan, 166 buah buku bukan rekaan, 74 buah buku sekolah, 34 buku agama dan 28 buah majalah (Abdul, 1959). Akhbar *Berita Harian* melaporkan terdapat 44 penerbitan akhbar dan majalah di Singapura dalam tempoh 1876 hingga 1976. Jumlah itu paling banyak jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain dalam Persekutuan (*Berita Harian*, 18 Oktober 1982).



Rajah 1: Syed Abdullah bin Hamid Al-Edrus (Edrus) Pengasas *Qalam Press*

*Qalam Press* diasaskan oleh Syed Abdullah bin Hamid al-Edrus (Edrus). Beliau dilahirkan pada 11 Julai 1911 di Sampit, Kalimantan Tengah, Indonesia. Edrus mengambil keputusan untuk berhijrah ke Singapura pada tahun 1930 ketika berusia 19 tahun bagi mendalami ilmu *fiqh* dan *tauhid* di Kuliah Firdaus, Upper Serangoon Road, Singapura (Mohd Shahrul Azha & Arba'iyah, 2019). Antara guru beliau termasuklah Haji Wan Abdullah dan Kiyai Muhammad Fadhlullah Suhaimi. Setelah menamatkan pengajian dalam bidang keagamaan, Edrus mula meminati bidang kewartawanan dan penulisan. Beliau bekerja di bahagian teknikal sebagai pelatih pengatur huruf di Anglo-Asiatic Press, Singapura (kemudian dikenali sebagai *Warta Malaya Press*) pada tahun 1934 dengan gaji empat ringgit sebulan (Li, 1967). Beliau kemudiannya dinaikkan pangkat sebagai pengatur huruf dan beberapa tahun selepas itu dilantik sebagai pembaca pruf. Edrus kemudiannya dilantik sebagai pembantu pengarang dengan mendapat gaji yang agak lumayan (*Qalam*, 229, Mei 1970). Keseriusan beliau dalam dunia penulisan menyebabkan Edrus ingin menetap terus dan berkarya di Singapura.

Pada Julai 1947, Edrus menyertai warga kerja Utusan Melayu sebagai wartawan. Namun setelah setahun berkhidmat dalam Utusan Melayu, Edrus memutuskan untuk berhenti kerana kurang serasi dengan pergaulan wartawan-wartawan muda (Shaharom, 1963). Berbekalkan minat beliau yang mendalam dalam bidang penulisan dan tidak mahu berterusan makan gaji, Edrus telah mengumpul modal sedikit demi sedikit semasa bekerja di Utusan Melayu. Dengan modal sebanyak \$550.00, Edrus telah membeli huruf-huruf timah dan kertas (Shaharom, 1963). Beliau menyusun sendiri di rumahnya yang ketika itu terletak di Kampung Kebun Kelapa, Teluk Kurau, Singapura sebelum dihantar ke kedai Cina untuk dicetak dan diperbanyakkan. Buku-buku novel yang telah siap dicetak akan dibawa pulang ke rumah semula untuk disusun (dijilid) pada sebelah malam. Setelah siap kesemuanya, Edrus sendiri akan membungkus dan mengedarkan hasil tulisannya untuk dijual (temu bual Syed Ahmad Luthfi bin Syed Abdullah Al-Edrus, 7 Januari 2019).

Cikgu Mahmud Ahmad seorang budayawan Melayu pernah mengatakan Edrus sebagai seorang yang sangat kuat bekerja dan berusaha tanpa mengenal lelah dan jemu (Berita Harian, 24 Oktober 1969). Maka tidak hairanlah, beliau berjaya menubuhkan syarikat percetakannya sendiri iaitu *Qalam Press* pada tahun 1948 dan mula mencetak secara persendirian pada bulan November 1950 (*Qalam*, Ogos 1956). *Qalam Press* ditubuhkan bersama-sama dengan sahabat karibnya Ustaz Abdul Rashid bin Umar Junid Rashid yang bertindak sebagai pengurus dan kekal berkhidmat dengan Edrus selama lebih kurang 18 tahun ( *Qalam*, 229, Mei 1970). Sidang pengarang diterajui oleh Edrus sendiri bersama dengan Abdullah Basmeh. Seperti juga syarikat penerbitan lain, *Qalam Press* tidak dapat lari daripada berhadapan dengan pelbagai masalah dan konflik dalam perniagaan. Namun, *Qalam Press* dilihat mempunyai pelbagai strategi dan cara tersendiri bagi menyelesaikan masalah tersebut serta terus berusaha menjadikan penerbitan mereka sentiasa relevan dan berdaya saing dengan syarikat percetakan lain. Maka dengan itu, penyelidikan ini ingin melihat sejauh mana *Qalam Press* berjaya meletakkan syarikat mereka sebagai antara syarikat percetakan persendirian Melayu terkemuka di Tanah Melayu bermula dari tahun 1948 sehingga tahun 1969.



Rajah 2: Logo Syarikat Percetakan *Qalam Press*

#### METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan ini merupakan penyelidikan sejarah dan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Beberapa kritikan, analisis, heuristik dan historiografi dilakukan supaya penyelidikan ini mencapai objektif dalam penyelidikan sejarah (Boldt, 2014). Kajian perpustakaan dijalankan bagi mengumpul sumber primer dan sekunder yang diperolehi daripada Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan IPTA di seluruh Malaysia, Ibu Pejabat *United Malays National Organisation* (UMNO) dan lain-lain. Bagi menyempurnakan penyelidikan ini, penelitian ke atas sumber-sumber seperti majalah *Qalam*, akhbar-akhbar, dokumen rasmi dan lain-lain yang dilihat mempunyai maklumat penting berkaitan syarikat percetakan *Qalam Press* akan diteliti dengan mendalam. Proses seterusnya merupakan kritikan sumber di mana sumber yang diperoleh akan dibandingkan dengan rekod-rekod lain seperti buku-buku, jurnal, latihan ilmiah dan sebagainya. Proses ini penting bagi menentukan kebenaran dan kesahihan sumber yang diperolehi, seterusnya dapat menyingkir maklumat yang tidak tepat berkaitan topik penyelidikan ini. Penyelidikan ini akan melalui proses analisis yang melibatkan penyimpulan berdasarkan sumber primer dan sekunder. Proses ini akan menghasilkan sintesis sumber-sumber yang dinyatakan dan seterusnya melahirkan dapatan kajian. Proses terakhir merupakan proses penulisan sejarah atau dikenali sebagai historiografi sejarah.

Penyelidikan ini turut menggunakan kaedah penyelidikan sejarah lisan (*oral history*). Kaedah ini dimulakan dengan mengenal pasti informan yang bersesuaian dan mempunyai kaitan dengan penyelidikan ini untuk ditemu bual. Informan dihubungi melalui panggilan telefon bagi memaklumkan mengenai tujuan temu bual dan menyatakan dengan jelas bahawa temu bual berkenaan akan dirakam. Selepas itu, tarikh temu bual akan ditentukan berdasarkan persetujuan informan. Ketika temu bual dijalankan, maklumat yang diperolehi akan dicatat dan dirakamkan. Temu bual diakhiri dengan memberikan surat izin menggunakan rakaman temu bual tersebut untuk pelbagai tujuan penyelidikan dan penerbitan (Mahani, 2018). Kaedah sejarah lisan (*oral history*) dapat memberi maklumat yang tepat kerana informan pernah berkongsi pengalaman hidup bersama tokoh dan syarikat yang dikaji.

### KAJIAN LITERATUR

Kesemua penyelidikan lepas mengenai pengasas *Qalam Press* dan majalah *Qalam* sebelum ini menggunakan nama ‘Ahmad Luthfi’ sebagai tajuk dan nama dalam perbincangan. Walau bagaimanapun, untuk menampilkan sisi yang berlainan daripada kajian-kajian yang pernah dilakukan sebelum ini, nama ‘Edrus’ digunakan dalam artikel ini. Latihan ilmiah bertajuk “Majalah *Qalam* (1950-1955)” oleh Maziyah Deraman (1992/1993) meneliti majalah *Qalam* dalam tempoh lima tahun. Pengasas majalah *Qalam* ditampilkan sangat minimum sebaliknya Maziah hanya melaporkan isu-isu dalam majalah *Qalam*. Penulisan Talib Samat (2004) yang berjudul “Ahmad Luthfi: Penulis, Penerbit dan Pendakwah” mengupas pemikiran Ahmad Lutfi menerusi novel-novel yang dihasilkan. Bahagian awal tulisan ini menceritakan tentang Riwayat hidup Ahmad Luthfi dan kegiatannya sebagai penerbit *Qalam Press*, namun Talib Samat tidak menggunakan kaedah *oral history* untuk mendapatkan maklumat yang sahih menyebabkan terdapat beberapa maklumat yang kurang tepat. Manakala, tulisan hasil suntingan Hashim Ismail dan Mohd Hanafi Ibrahim (2019) berjudul “Ahmad Luthfi: Pembangkit Semangat Zaman” turut mengutarakan persoalan yang sama seperti Talib Samad. Selain itu, penyelidikan Khalidah Adibah Hj. Amin (1957) bertajuk “*Ahmad Luthfi on the Education and Freedom of Women*” telah membedah sebelas buah novel tulisan Syed Abdullah Al-Edrus dengan mengkhusus kepada isu-isu berkaitan pendidikan dan wanita. Penyelidikan ini mempunyai kredibiliti yang sangat kuat kerana penyelidik menemu bual secara langsung dengan tokoh-tokoh prolifik seperti Za’ba di samping Syed Abdullah Al-Edrus sendiri.

Sementara itu, kajian bertajuk “Struktur Plot Novel-novel Ahmad Luthfi” tulisan Mahaya Mohd Yassin (1981/1982) meneliti 27 novel tulisan Syed Abdullah Hamid Al-Edrus dari tahun 1941 hingga 1969. Beliau mendapati Ahmad Luthfi merupakan seorang novelis yang dapat dianggap sebagai ‘pembimbing dan pengasuh’ demi memajukan serta memulihkan moral masyarakatnya. Penyelidikan lain yang turut mengangkat novel-novel Ahmad Luthfi sebagai subjek kajian adalah tulisan Syed Abdullah Yahya (1961) yang bertajuk “Ahmad Luthfi: Pandangannya Tentang Masalah-masalah Pendidikan, Pergaulan dan Kekeluargaan dalam Masyarakat Melayu Moden”. Sebanyak sebelas buah novel yang diterbitkan antara tahun 1949 hingga 1950 diselidiki dalam penyelidikan ini. Penyelidikan ini membantu menilai pemikiran Ahmad Luthfi (Edrus) mengenai permasalahan sosial dalam masyarakat seperti pergaulan lelaki dan perempuan serta kesan-kesan yang timbul akibat tekanan pengaruh Barat terhadap pendidikan dan kekeluargaan masyarakat Melayu dalam era selepas perang. Selain itu, penulisan memoir khususnya yang ditulis oleh tokoh-tokoh wartawan turut menjadi sumber rujukan penting dalam penyelidikan ini. Misalnya memoir Abdullah Hussein (2005) yang berjudul “Sebuah Perjalanan”, Memoir A. Samad Ismail (1993) yang berjudul “Memoir A. Samad Ismail di Singapura” dan Memoir Kris Mas (1979) bertajuk “30 Tahun Sekitar Sastera”. Tokoh-tokoh ini hidup dan bekerja sezaman dengan Syed Abdullah Hamid al-Edrus pastinya memberikan informasi penting mengenai keterlibatan pengasas *Qalam Press* itu dalam dunia persuratkhabaran.

#### DAPATAN KAJIAN

##### Teknologi Percetakan dan Proses Penerbitan

Sejak mula ditubuhkan, *Qalam Press* telah menerbitkan banyak bahan bacaan, umpamanya pada tahun 1949 sahaja, sebanyak 13 buah novel diterbitkan. Tahun 1950an, *Qalam Press* memberi penumpuan kepada penerbitan majalah *Qalam* selain banyak menerbitkan karya-karya agama dan sejarah tokoh-tokoh Islam. Boleh dikatakan, pada masa ini *Qalam Press* menjadi salah sebuah perusahaan Melayu milik persendirian yang setanding dengan perusahaan percetakan bangsa asing yang memang sudah terkenal dengan kemajuan percetakannya. Nama *Qalam Press* menjadi semakin terkenal, ini mendorong orang ramai, persatuan dan pelajar melawat ke kilang *Qalam Press* untuk menyaksikan sendiri proses percetakan dan penerbitan dijalankan (Abdullah, 2005).



Rajah 3: Kilang percetakan *Qalam Press* di Petaling Jaya sering menerima kunjungan pelawat dari luar  
Sumber: Koleksi peribadi Pn. Sharifah Umamah bte Syed Abdullah

Bermula dengan sebuah mesin cetak kecil buatan Hong Kong yang murah dan sebuah mesin pemotong kertas, *Qalam Press* telah melangkah setapak demi setapak dengan memiliki mesin-mesin cetak yang lebih moden. Sehingga 1957, *Qalam Press* telah memiliki sembilan buah mesin cetak antaranya mesin jenama ‘Saonna 124’, ‘Heidelberg’ dan mesin ‘Letterpress’ buatan Jerman. Mesin-mesin ini dapat mencetak gambar berwarna dan mampu mencetak empat atau lima ratus naskhah sejam. Selain itu terdapat sebuah mesin pembuat huruf (*type caster*), mesin-mesin untuk melipat, alat pengokot (*stapler*) yang dikendalikan oleh pekerja wanita bernama Rosnah, mesin pemotong kertas dan mengetuk serta mesin menjilid (temu bual Syarifudin Alias, 7 Januari 2019).

Pada 1958, *Qalam Press* dapat menambah dua buah lagi mesin ‘Intertype’ yang mampu mencetak huruf dengan lebih bersih (*Qalam*, April 1958). Jika dilihat dari skala perniagaan Edrus pada ketika itu dapat dikatakan cukup besar bagi syarikat percetakan yang dikendalikan oleh orang perseorangan. *Qalam Press* mempunyai seramai 22 orang pekerja mengendalikan bahagian teknikal. Daripada jumlah itu enam orang sebagai pengatur huruf (diketuai oleh Hj. Daim), enam orang mengendalikan mesin cetak (diketuai oleh En. Syarifudin bin Alias), enam orang sebagai penjilid dan empat orang penghantar. Manakala, terdapat seramai 10 hingga 15 orang pekerja di bahagian mengetuk dan melipat.



Rajah 4: Sebahagian pekerja *Qalam Press* di hadapan kilang percetakan di Singapura  
Sumber: Koleksi peribadi En. Syed Ahmad Luthfi Syed Abdullah al-Edrus

Urusan pentadbiran *Qalam Press* diarahkan sendiri oleh tuan punya syarikat percetakan, dari kerja-kerja mengarang, mengatur huruf, menjilid dan menyunting, hingga menyelia kerja percetakan dan pengedaran semua diuruskan oleh Edrus manakala urusan perniagaan dikendalikan oleh pengurus yang dilantik. Keris Mas menyifatkan Edrus sebagai ‘veteran all round’ kerana semua kerja boleh dilakukan oleh beliau (Keris Mas, 1979). Oleh kerana itu, beliau tidak memerlukan khidmat penolong pengarah atau apa-apa lembaga pun. Ketekunan dan kesungguhan Edrus melakukan tugasnya tersiar di dalam majalah *Qalam*:

Tuan punya percetakan ini bekerja daripada pukul 7 setengah pagi membawa kepada pukul 10 sampai 11 malam tidak berhenti kecuali makan dan sembahyang sahaja. Tuan punya sendiri terus bekerja bukannya hanya dari tujuh setengah pagi tetapi terkadang-kadang lepas sahaja sembahyang Subuh telah menyelenggarakan kerja-kerja karang mengarang sampai pukul 10 atau 11 siang dan pentadbiran hal-hal pejabatnya terus kepada malam sehingga pukul 10 atau 11 malam dengan tidak ada mempunyai cuti rehat, cuti kelepasan hari Sabtu atau hari minggu, tetapi bekerja terus. (*Qalam*, Bil. 74, September 1956)

Edrus akan menulis rencananya dengan tulisan jawi ‘*short hand*’. Hanya pekerjanya yang dikenali sebagai Raja Syafik sahaja yang faham tulisan beliau. Raja Syafik akan ‘menapis’ tulisan Edrus dan menyerahkan kepada pengatur huruf atau ‘kompositor’ (Syed, 2019). Seorang pengatur huruf akan duduk menghadap kotak kayu panjang dan berpetak. Tiap petak kecil itu berisi huruf-huruf timah. Huruf-huruf timah akan disusun satu persatu dengan dakwat hitam

untuk dibentuk menjadi perkataan dan ayat, proses ini dinamakan ‘kompos’. Huruf timah yang telah disusun dan diatur rapi itu kemudiannya akan diikat dengan benang supaya tidak bercerai.



Rajah 5: Kotak kayu panjang dan berpetak untuk menyusun huruf timah

Sumber: Muzium Percetakan Royal Press, Melaka

Rangkaian huruf-huruf timah kemudiannya diletakkan dalam dulang dan sehelai kertas akan diletakkan di atas huruf-huruf tadi untuk ‘digelek’ menggunakan mesin khas bagi mendapatkan hasil cetakan sebelum diantar kepada pembaca pruf. Hasil cetakan tadi akan dibaca oleh Raja Abdul Aziz seorang pembaca pruf (*proofreader*) untuk menyemak ejaan. Jika terdapat kesalahan, pengatur huruf akan membetulkan ejaan dan menyusun semula huruf-huruf timah. Setelah pembetulan dilakukan, rencana itu akan disahkan oleh ketua pengarang dan huruf-huruf yang dibetulkan tadi akan diikat sekali lagi supaya tidak bercerai, kemudian dicetak untuk diperbanyak menggunakan mesin cetak ‘Saonna 124’ (temu bual Syarifudin Alias, 5 Disember 2018).



Rajah 6: Huruf-huruf timah tulisan Jawi


Sumber: Muzium Percetakan Royal Press, Melaka

Kaedah mengatur huruf digunakan dalam kebanyakan syarikat penerbitan di Tanah Melayu sehingga tahun 1950an (A. Samad, 1993). Hanya jentera mesin cetak ‘Linotype’ sahaja yang dapat menggantikan tugas pengatur huruf ini. Syarikat-syarikat yang bermodal besar seperti Malaya Publishing House Ltd. sahaja pada ketika itu mampu memiliki jentera ‘Linotype’ yang harganya mencecah \$42 800.00 (Abdul Aziz, 1959). Apabila kebanyakan syarikat percetakan berpindah ke Kuala Lumpur selepas merdeka barulah mesin ‘Linotype’ meluas digunakan.



Rajah 7: Mesin *Linotype* digunakan oleh *Qalam Press* semasa beroperasi di Petaling Jaya pada tahun 1968.

Sumber: Muzium Percetakan Royal Press, Melaka



Rajah 8: Pekerja *Qalam Press* Mohd Ali bin Masoud (*Linotypesetter*) sedang mengendalikan mesen *Linotype* di Petaling Jaya pada tahun 1968

Sumber: Muzium Percetakan Royal Press, Melaka

### *Pengedaran Bahan Penerbitan*

Bahan-bahan penerbitan *Qalam Press* misalnya majalah *Qalam* mempunyai khalayak pembaca yang luas. Majalah ini diedar sehingga ke Selatan Thailand, Indonesia dan Borneo selain negeri-negeri di Persekutuan Tanah Melayu. Purata sirkulasi penerbitan majalah *Qalam* adalah sebanyak 3000-5000 naskhah sebulan (Hamed, 2013). Jumlah ini dianggap mempunyai sirkulasi yang tinggi bagi majalah berorientasikan agama kerana kebiasaananya majalah bercorak sebegini kurang digemari (Hamed, 2013). Kenyataan ini disokong oleh Abdulla Hussain apabila beliau menyatakan bahawa untuk mengetahui sama ada sesuatu majalah itu boleh hidup atau tidak adalah dengan melihat sambutan pembaca di Singapura. Biasanya purata edaran di Singapura mencapai antara 1000 hingga 2000 naskhah sebulan (Abdullah, 2005).

Bagi edaran dalam Singapura, Edrus akan menghantar sendiri majalah-majalahnya ke kedai-kedai buku terpilih menggunakan kereta atau van kepunyaan sendiri. Ada juga yang menggunakan lori yang disewa. Bagi penghantaran ke Persekutuan Tanah Melayu perkhidmatan keretapi digunakan, terdapat ejen-ejen yang akan menunggu di setiap stesen. Apabila menyerahkan majalahnya ke toko-toko buku untuk dijual, Edrus tidak pernah menjual secara tunai tetapi secara ‘dalal’ iaitu mewakilkan kepada orang tengah (wakil penjual) dengan memberikan komisen sebanyak 25 hingga 30 peratus daripada harga buku atau majalah sementara penerbit memperoleh untung sebanyak 20 hingga 25 peratus daripada jumlah harga penjualan sebuah majalah (temu bual Syed Ahmad Luthfi, 7 Januari 2019). Buku atau majalah yang tidak laku diserahkan semula kepada penerbit. Ada diantara wakil penjual dan kedai-kedai buku ini pula mempunyai wakil-wakil penjual kecil dan membayar 5 hingga 10 peratus daripada harga majalah sebagai upah penjualan (Abdul Aziz, 1959).

Antara wakil penjual majalah *Qalam* ialah kedai buku Mohd Salleh Bakry di Malacca Street, Kuala Lumpur, kedai buku Ain Isa Sulaiman dan N.S. Sulaiman di Jalan Maharani, Muar, kedai buku Mibs di Jalan Arab, Singapura, kedai buku E.M. Kassim Maideen, di Jalan North Bridge, Singapura, kedai buku Yahya Bashir, di Pekan Rabu, Alor Setar, kedai buku S.K. Abdul Rahman di Jalan Al-Sagoff, Pontian, kedai buku M. Mohktar Bakrie di Jalan Hale, Ipoh dan N. Uruthan Store, di Sungai Petani. Penghantaran majalah turut menggunakan perkhidmatan pos. Syarikat *Qalam Press* mengenakan bayaran pos sebanyak 10 sen bagi setiap penghantaran majalah *Qalam* kepada pembaca. Bagi pembaca yang melanggan secara bulanan, harga yang dikenakan ialah \$3.60 untuk enam keluaran dan \$7.20 untuk langganan setahun. Penghantaran menggunakan pos lebih murah dan cekap kerana majalah dapat sampai terus kepada pelanggan atau wakil-wakil penjual yang tinggal berselerak di serata Persekutuan, Indonesia, Selatan Thailand dan Borneo (*Qalam*, Julai 1954; Abdul Aziz, 1959).

### *Strategi Meningkatkan Pendapatan*

Pasaran bagi majalah berkoncepkan keagamaan, sejarah dan politik sukar untuk mendapat keuntungan berbanding majalah-majalah ringan dan hiburan yang mempunyai kebolehpasaran lebih luas. Daripada pengalaman *Qalam Press* sendiri, buku atau majalah agama yang dicetak sebanyak 3000 naskhah biasanya mengambil masa tiga hingga empat tahun untuk habis dijual. Keadaan ini menyebabkan banyak syarikat penerbitan kurang menerbitkan bahan-bahan bercetak bercorak keagamaan kerana tidak mahu menanggung risiko sekaligus memberi kesan

rantaian kepada kurangnya buku-buku agama di pasaran (Qalam, Julai 1962). Malah, jika dilihat dalam jangka masa yang panjang, penerbitan buku lebih menguntungkan berbanding penerbitan majalah. Buku boleh dijual dalam tempoh yang lama tanpa ditentukan had masanya kerana tema atau isu yang diketengahkan dapat diterima tanpa mengira tempoh masa. Sedangkan majalah terpaksa dijual dalam tempoh masa yang ditetapkan kerana ia melibatkan isu atau rencana yang hangat pada waktu-waktu tertentu. Misalnya majalah bulanan mesti dijual dalam bulan tersebut sahaja, begitu juga majalah mingguan mesti dijual dalam minggu itu sahaja.

Selain daripada membuka ruangan majalah untuk iklan-iklan, *Qalam Press* menerbitkan buku-buku pelajaran untuk keperluan murid sekolah, misalnya *Chahaya Pelajaran Ugama* untuk murid tingkatan satu. Buku *Chahaya Pelajaran Ugama* mendapat pujian daripada pengulas buku dalam majalah Dewan Bahasa terbitan DBP dari segi penulisan yang tersusun dan penggunaan ilustrasi. Menurutnya, "... buku 'Chahaya Pelajaran Ugama' ini akan dapat menjadi sebuah buku pelajaran yang baik. Gambar-gambar lukisan yang digunakan pada bahagian hukum fiqh umpamanya dapat membantu murid memahami dan mengingati istilah-istilah yang disampaikan" (Qalam, Februari 1965).

*Qalam Press* turut menjalankan perkhidmatan mengambil upah mencetak daripada penerbit lain yang tidak mempunyai jentera pencetak (Qalam, Februari 1965). Antara syarikat penerbitan yang tidak mempunyai jentera pencetak ialah seperti MIBS-Dewan Pustaka Melayu, Pustaka Harmy, Pustaka Pendidikan dan Penerbitan P. Ramlee. *Qalam Press* turut mencetak buku-buku keluaran syarikat Sinaran Brothers di Pulau Pinang (Qalam, Oktober 1958). Selain itu, buku *Saya Pilih Kebebasan* tulisan Victor Kreb Chenko setebal 400 lebih halaman yang diarah cetak oleh Jabatan Maklumat Asia Tenggara dan buku *Suluh Pengetahuan* susunan Hj. Badri b. Hj. Zakri yang diarah cetak oleh Sekolah Arab Kluang. Selain itu *Qalam Press* turut mencetak buku *Perempuan Buta, Peladang Kecil, Tergoda dan Bungai Rampai Ekonomi* diterbitkan oleh Terang Bulan dan buku *Alam Sains dan Pendidikan Baharu dan Pengembawaan Saya Ke Malaya dan Timur Jauh* terbitan Pelita (Qalam, September 1952; Qalam, November 1952).

Selain menerbitkan buku sendiri, *Qalam Press* juga turut menterjemah buku-buku atau majalah-majalah bahasa Arab dari Timur Tengah yang dikendalikan oleh Abdullah Basmeh. Biasanya buku-buku dan majalah-majalah ini diperoleh daripada Persatuan Ikhwanul Muslimin di Mesir (temu bual Syed Ahmad Luthfi, 7 Januari 2019). Beberapa hasil tulisan tokoh-tokoh penulis terkenal juga dikumpul, contohnya hasil tulisan Rahim Kajai dari pelbagai sumber telah dikumpul dan diterbitkan dengan judul *Pesaka Kajai*. Begitu juga novel-novel tulisan Syed Syekh Al-Hadi seperti *Hikayat Faridah Hanum* dan hasil tulisan Za'ba yang termuat di dalam majalah *Qalam* dikumpul dan dicetak semula. Bagi memenuhi minat pembaca ketika itu yang rata-rata gemarkan genre hiburan, *Qalam Press* menerbitkan majalah *Filem* dan *Anekawarna*. *Akhbar Warta Masyarakat* dan *Warta* juga diterbitkan secara harian dan mingguan manakala majalah *Kanak-kanak* diterbitkan dua kali dalam sebulan.

*Qalam Press* turut menerbitkan buku-buku bacaan untuk sekolah dalam tulisan Jawi dan Rumi, menerbitkan kamus Bahasa Melayu-Bahasa Inggeris dan Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu dan menyusun buku sastera *Persuratan Melayu* sebanyak tiga jilid hampir 800 muka surat. *Qalam Press* juga menerbitkan lebih 30 buah buku-buku pengetahuan Islam dan tawarikh yang dicetak

lebih daripada 100,000 naskhah (Berita Harian, 25 Februari 1962). Buku-buku tersebut bukan sahaja dibeli oleh masyarakat awam bahkan turut dibeli oleh Jabatan Agama Johor dan Jabatan Agama Selangor untuk kegunaan sekolah-sekolah agama di negeri-negeri berkenaan (Warta, 6 November 1953). Hasil buah pena Edrus turut diterbitkan oleh syarikat percetakan lain, misalnya Pustaka Antara yang banyak menerbitkan cerita-cerita kanak-kanak tulisan Edrus (Berita Harian, 22 Julai 1973).

Kemajuan syarikat percetakan beliau membolehkan Edrus berani mengambil penulis-penulis hebat seperti Sheikh Abdullah Basmeh, Abdullah Hussain dan Jimmy Asmara untuk bekerja dan membayar mereka dengan gaji yang tinggi. Abdullah Hussain telah dibayar gaji sebanyak \$150.00 sebulan untuk memimpin majalah *Filem*. Satu jumlah yang besar pada ketika itu sedang ada penulis seangkatan dengan Abdullah Hussain dibayar hanya \$80.00 oleh syarikat penerbitan lain (Abdullah, 2005). Selain itu, penulis cerpen bernama Anuar (nama pena Ishak Haji Muhammad) juga telah dibayar ‘honorarium’ yang tinggi oleh Edrus sebanyak \$60.00 untuk sebuah cerpen yang dihasilkan dalam majalah *Anekawarna*.

Menurut Abdul Aziz Hussain sebuah artikel yang dimuatkan dalam sesuatu majalah ketika itu lazimnya dibayar sebanyak \$10.00 hingga \$15.00 sahaja (Abdul Aziz, 1959). Manakala menurut A. Samad Ismail diawal tahun 50-an dan sebelumnya jarang sekali penulis yang menyumbangkan artikel dalam sesuatu majalah menerima bayaran. Kebanyakannya menulis atas dasar minat dan rasa tanggungjawab kepada masyarakat. Akhbar dan majalah ketika itu kebanyakannya tidak membayar sesen pun kepada penulis-penulis yang karyanya disiarkan kerana tidak berkemampuan. Rata-rata pada zaman itu akhbar Melayu lemah ekonominya (A. Samad, 1993). Hal ini jelas menunjukkan kemajuan perniagaan yang telah dicapai oleh Edrus selaku penerbit dan tuan punya percetakan *Qalam Press*. Walau bagaimanapun, *Qalam Press* menghadapi tempoh getir dan krisis kerugian pada awal tahun 1950 dan 1960 akibat penukaran status syarikat kepada *limited* dan beberapa kes tuntutan pekerja sehingga mengheret Edrus ke mahkamah (The Straits Times, 28 Februari 1963).

#### *Dari Syarikat ‘Persendirian’ Kepada ‘Limited’*

Cadangan Syed Hussein Ali Al-Sagoff (pemilik akhbar Warta Malaya) untuk menjadikan *Qalam Press* sebagai syarikat *limited* diterima. *Qalam Press* dijadikan sebagai *Qalam Press Limited* pada bulan Ogos 1953 (Qalam, 1953). Sebuah syarikat dari milik perseorangan kepada syarikat ‘limited’ yang di dalamnya terdiri daripada pemegang-pemegang saham di mana Edrus sendiri bertindak sebagai ketua pengarang merangkap pengarah urusan dan Syed Hussein Ali Al-Sagoff dilantik sebagai pengelola (pengurus) (Qalam, Mei 1953). Malangnya syarikat *Qalam Press Limited* tidak berjaya menjana keuntungan kerana sebagai sebuah syarikat ‘*limited*’ segala keputusan Edrus tidak boleh dilakukan sendiri sebaliknya perlu mendapat persetujuan ahli lembaga pengarah. Hal ini sangat bertentangan dengan sikap Edrus yang gemar berdikari dan tidak mahu dikongkong oleh orang lain lebih-lebih lagi daripada syarikat birokrat. Berada di dalam syarikat ‘*limited*’ telah membataskan perkembangan *Qalam Press* apabila kurang mendapat kerja-kerja luar dan menerima upahan. Selama 16 bulan *Qalam Press Limited* menanggung kerugian hingga menjadi satu penderitaan besar. Menyedari kelemahan itu Edrus dengan sedaya upaya telah menghapuskan *Qalam Press Limited* dan mengembalikan syarikatnya menjadi hak milik

perseorangan sebagaimana mula ditubuhkan. Dengan pentadbiran yang baik dan berusaha untuk mengecilkan perbelanjaan contohnya mengurangkan jumlah muka surat majalah *Qalam* daripada kebiasaannya 45 hingga 50 muka surat kepada tidak lebih 40 muka surat bermula pada bilangan 37 hingga 53, sedikit demi sedikit Edrus berjaya memulihkan syarikatnya. Mulai bulan Januari tahun 1955 segala tanggungan dan penderitaan semenjak *Qalam Press Limited* dapat dilepaskan (temu bual Syed Ahmad Luthfi, 7 Januari 2019).

#### *'Kaki Kritik'*

Majalah *Qalam* terkenal dengan kritikan lantang terhadap individu atau dasar politik yang mana difikirkannya bertentangan dengan Islam. Seperti yang tertulis dalam rencana pengarang dalam majalah *Qalam*:

Semenjak daripada *Qalam* ditubuhkan dengan asasnya sempena daripada kalimah Allah yang maha tinggi maka kita tidak pernah undur daripada mendirikan kebenaran dan hak di dalam agama. Kita dengar terang dan jitu mengatakan barang yang hak walaupun berhadapan dengan siapa jua ada dengan tujuan memelihara umat sekaliannya kepada jalan yang benar iaitu jalan yang manusia tidak akan tersesat daripadanya (*Qalam*, Disember 1953).

Kritikan pedas yang disiarkan pernah menyebabkan majalah *Qalam* dan akhbar *Warta* dibakar dan dipulaukan oleh Tunku Abdul Rahman di Johor Bahru pada 29 Oktober 1953 (Khamis) kerana begitu keras mengkritik UMNO dan pemerintahan Tunku yang dikatakan tidak berlandaskan ajaran Islam (*Qalam*, Ogos 1953; UMNO, 1953-1954; *Qalam*, Oktober 1955). Perkara ini dilihat jelas dalam isu loteri UMNO apabila *Qalam* menentang keras pelaksanaan loteri oleh UMNO yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman (Abu Hanifah, 2020). Menurut *Qalam*, loteri adalah bertentangan dengan Islam kerana ia merupakan judi dan hukumnya haram. Apatah lagi, Islam sebagai agama Persekutuan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 sudah tentu pelaksanaan loteri nampak tidak selari dengan status tersebut. Namun, bagi Tunku majalah *Qalam* hanya akan menyebabkan perpecahan dalam masyarakat melalui rencana yang disiarkan kerana pandangan awam menerusi media amat penting bagi mendapatkan sokongan rakyat bagi sesbuah negara untuk menyokong agenda kerajaan (Muhammad Aslah & Mohd Samsudin, 2018).

Ibu Pejabat UMNO Malaya telah mengeluarkan Surat Keliling Bil. 101/53 bertarikh 14 November 1953 yang menyatakan pemulauan terhadap *Warta* dan *Qalam* (UMNO, 1953-1954). Beberapa cawangan UMNO bahagian dan negeri seperti UMNO Cawangan Sungai Sumun, Hilir Perak mula menegah ahli-ahlinya dari membaca dan membeli majalah *Qalam* dan akhbar *Warta*. Sementara itu, pemberita akhbar *Majlis* melaporkan ahli-ahli UMNO di Muar sudah mulai mengharamkan akhbar dan majalah terbitan *Qalam Press Ltd.* itu, termasuklah beberapa ahli UMNO yang telah membatalkan langgan *Qalam* dan *Warta* seperti yang dilakukan oleh Mohd

Yusof bin Ahmad, Naib Pengerusi UMNO Cawangan Rawang, Tangkak, Johor (Majlis, 4 November 1953).

Pelbagai pihak termasuk kedai-kedai yang didapati menjual majalah dan akhbar tersebut turut berhadapan dengan tindakan boikot yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Pemuda UMNO yang diketuai oleh Tan Sri Datuk A. Samad Idris (*Singapore Standard*, 2 November 1953). Peristiwa tersebut sudah tentu memberi kesan kepada *Qalam Press*, akhbar *Warta* terpaksa diberhentikan penerbitannya kerana penjualan agak merosot. Akibat pemulauan tersebut juga, sepanjang bulan Januari hingga Disember 1954, amat kurang syarikat-syarikat perniagaan yang mengiklankan produk mereka dalam majalah *Qalam*. Sebaliknya pihak *Qalam* hanya memenuhi ruangan iklan dengan menyiarkan hasil-hasil terbitan *Qalam Press* sendiri. Ini menyebabkan *Qalam Press Limited* mengalami kesusutan sumber kewangan di samping menanggung kerugian sebanyak \$50,000.00, hutang pula mencecah \$68,000.00 (Shaharom, 1963). Walau bagaimanapun, pihak pengurusan *Qalam* terus berazam untuk memulihkan syarikat sehingga dapat bertahan dalam jangka waktu yang lama. Semasa mengulas tindakan Tunku dalam akhbar *Warta*, Edrus menyatakan, “... *percayalah Tunku, dakyah Tunku dan terompet Tunku yang berhati dendam itu tidak akan mencacat atau merosakkan Qalam Press Ltd.*” (*Warta*, 6 November 1953).

#### *Tuntutan Kesatuan Sekerja*

Awal tahun 1960-an merupakan satu tempoh yang getir bagi Edrus dan *Qalam Press*. Pada tahun 1963 Edrus berhadapan dengan peristiwa apabila salah seorang pekerjaanya berbangsa Cina telah mengadu kepada kesatuan sekerja untuk meminta gajinya dinaikkan. Perkara tersebut telah mengheret Edrus sehingga ke Mahkamah Timbangtara Perindustrian Singapura (*Singapore Industrial Arbitration Court*) pada 30 Januari 1963 dan terpaksa berhadapan dengan tuntutan Kesatuan Pekerja Percetakan Umum Singapura (*Singapore General Printing Workers Union*) berhubung soal pengambilan pekerja perlu berdasarkan cadangan kesatuan, soal skim gaji, bonus tahunan, syarat-syarat bekerja, saguhati, cuti umum dan cuti tahunan (Berita Harian, 28 Januari 1963). Edrus diwakili peguam Loke Yat Sen (Berita Harian, 9 Mac 1963).

Walau bagaimanapun, Edrus tidak bersetuju dengan syarat kesatuan yang menetapkan pengambilan pekerja perlu berdasarkan cadangan mereka kerana menurut Edrus, beliau berhak menentukan siapa juga yang menjadi pekerjaanya tanpa perlu berunding dengan kesatuan (Berita Harian, 9 Mac 1963). Mengenai tuntutan-tuntutan lain, menurut Edrus, beliau terpaksa ‘tutup kedai’ jika kesatuan sekerja menuntut pelbagai kenaikan serta faedah-faedah lain untuk para pekerjaanya (*The Straits Times*, 28 Februari 1963). Untuk membuktikan kedudukan kewangan *Qalam Press* yang agak kritikal, Edrus mengemukakan penyata kewangan pendapatan syarikat untuk semakan hakim. Menurut Edrus, kerana kesusahan beliau itu, kadang kala Edrus terpaksa meminjam daripada syarikat pinjaman dan orang perseorangan untuk membayar gaji pekerja dan ada ketikanya bayaran kerja lebih masa (*over time*) tertunggak sehingga empat ke lima bulan kerana ketiadaan wang (*The Straits Times*, 30 Januari 1963; Berita Harian, 31 Januari 1963).

Akibat kerugian yang ditanggung, Edrus terpaksa menjual dua buah mesin cetak dan sebuah *linotype* dengan harga yang murah bagi meneruskan perjalanan syarikatnya. Tingkat atas pejabatnya juga terpaksa dikosongkan kerana tidak mampu membayar sewa (Berita Harian, 30

Januari 1963). Selepas 1960an, syarikatnya terpaksa menerbitkan satu penerbitan sahaja berbanding empat buah penerbitan sebelum 1959. Perniagaan beliau semakin merosot hingga terpaksa mengurangkan seramai 15 orang pekerja dari 60 orang pada tahun 1963 (Berita Harian, 9 Mac 1963). Ketika ditanya oleh Tan Boon Chiang, Penolong Presiden Mahkamah Timbangtara Perindustrian Singapura sama ada Edrus sanggup mengesyorkan rancangan baharu supaya dapat membayar tuntutan-tuntutan itu, Edrus menjawab:

Pada masa ini saya tidak boleh membayar apa-apa pun, mustahil sekali. Saya sedia menutup perniagaan saya ini... Walaupun saya menanggung rugi, tetapi selama ini saya tidak pula membayar gaji murah kepada pekerja-pekerja saya. Saya mohon gaji mereka sekarang dikekalkan. (Berita Harian, 9 Mac 1963)

Mendengar alasan Edrus itu, hakim telah meminta pihak kesatuan yang diwakili oleh peguam Ng Soo Siah supaya membuat perbandingan kapasiti perniagaan *Qalam Press* dengan mana-mana syarikat percetakan lain yang setaraf supaya keputusan senang diambil. Ng Soo Siah mengambil contoh akhbar *Sin Chew Jit Poh* sebagai perbandingan. Namun hakim menyatakan *Sin Chew Jit Poh* adalah syarikat yang lebih besar daripada *Qalam Press* dan tidak boleh dibandingkan khususnya dari segi jumlah kapasiti pekerja dan teknologi percetakan yang jauh lebih maju daripada *Qalam Press*. Manakala sirkulasi edaran akhbar *Sin Chew Jit Poh* juga jauh lebih tinggi iaitu 10,000 naskhah sebulan berbanding majalah *Qalam* (*Singapore Gazette*, 1946-1957). Mahkamah meminta kesatuan sekerja supaya membandingkan gaji berserta faedah-faedah yang diberi oleh *Qalam Press* dengan syarikat-syarikat lain yang setaraf.

Pada bulan Mac 1963, Tan Boon Chiang memutuskan menolak tuntutan kesatuan sekerja untuk mendapatkan gaji yang tinggi bagi pekerja-pekerja kesatuan. Namun, beberapa persetujuan telah dicapai antara kedua-dua belah pihak antaranya mahkamah meluluskan kenaikan gaji sebanyak \$20.00 sebulan bermula 1 Februari 1963 dan bayaran bonus bersamaan 20 hari gaji. Mahkamah turut meluluskan pemberian cuti tahunan, perubatan dan ganjaran lain seperti kematian, persaraan dan pampasan jika diberhentikan dari perkhidmatan. Selain itu, majikan harus memberi wang pendahuluan sebulan gaji setiap tahun dengan syarat ia merupakan sesuatu yang layak diberikan dan bukan sesuatu yang wajib dan majikan bersetuju untuk memberi notis sebulan kepada pekerja yang bakal diberhentikan.

#### *Tuntutan Abdullah Basmeh*

Abdullah Basmeh menuntut pembayaran enam bulan gaji kerana telah diberhentikan pada tahun 1962 dan menuntut bayaran royalti daripada Edrus terhadap 20 buah buku karangan beliau yang telah diterbitkan oleh *Qalam Press*. Basmeh menuntut sebanyak \$18,000 iaitu 10% daripada jumlah setiap buku yang ditulis, diterjemah dan disusun olehnya sejak beliau bekerja dengan *Qalam Press* dari tahun 1950 hingga 1962 yang didakwa dilakukan bukan dalam waktu bekerja. Basmeh turut menyatakan Edrus telahpun membayar sebahagian daripada royalti tersebut berjumlah \$771.00 dan beberapa jumlah yang lain sehingga jumlah terkumpul kesemuanya

sebanyak \$1650.00. Ketika ditanya peguam Tan Sri Syed Esa Al-Manoer mengenai wang tersebut, Edrus menyatakan wang sebanyak \$771.00 yang diberikan kepada Basmeh itu adalah sebagai pinjaman dari tahun 1959 hingga 1962 yang dipinjam oleh Basmeh dari semasa ke semasa. Hakim Mahkamah Tinggi, Tuan Ambrose telah mengesyorkan kepada pihak pendakwa Sheikh Abdullah Basmeh dan pihak yang didakwa Syed Abdullah Hamid Al-Edrus supaya membuat kenyataan bersumpah dengan Al-Quran bagi membuktikan sama ada wang diterima Basmeh tersebut adalah sebagai bayaran royalti atau bukan (Berita Harian, 9 Mac 1963).

Edrus menerangkan bahawa Basmeh telah berjumpa beliau di pejabat *Qalam Press* pada 1 Disember 1962 dan meminta wang hasil daripada jualan buku karangan beliau ‘Saidina Ali Bin Abu Talib’ serta ‘Muhammad SAW’. Edrus mengatakan, Basmeh sebenarnya tidak meminta royalti tetapi meminta saguhati. Kemudian pada 17 Disember 1962, Basmeh sekali lagi datang dan menuntut wang. Namun, Edrus menyatakan beliau tidak mempunyai wang dan ini telah menimbulkan kemarahan Basmeh lalu melontarkan kata-kata kesat ‘penghisap darah’ serta ‘tidak berperikemanusiaan’ kepada Edrus. Kerana terlalu marah, Basmeh kemudian mencapai blok pencetak dan cuba untuk memukul Edrus tetapi sempat dihalang oleh anak Edrus. Edrus telah membuat laporan kejadian tersebut di Balai Polis Jalan Joo Chiat pada 2 Februari 1963.

Peguam Edrus, Tan Sri Syed Esa memberitahu mahkamah bahawa bayaran \$1650.00 yang diterima Basmeh bukan merupakan wang royalti dari buku-buku karangan dan terjemahannya tetapi merupakan wang yang dipinjam oleh Basmeh daripada *Qalam Press*. Malah, pada muka surat hadapan setiap buku yang dicetak tertera “Hak Pencetak” yang menunjukkan penulis tiada hak untuk menuntut bayaran royalti ke atas buku itu. Tan Sri Syed Esa semasa menggulung perbahasan menyatakan, percetakan *Qalam* tidak pernah membuat perjanjian untuk membayar 10% wang royalti kepada Basmeh kecuali dengan Ahmad Sanahaji bin Mohd Hj. Sanaji kerana menulis buku *Mari Sembahyang* yang telah terjual sebanyak 12000 naskhah (Berita Harian, 18 Mac 1967). Bayaran ini dibuat kerana penulis tersebut bukan pekerja tetap *Qalam Press* berbanding Basmeh yang bekerja secara tetap. Sebagai pekerja tetap, tugas-tugas penulisan dilakukan dalam waktu bekerja dan Basmeh dibayar gaji sebanyak \$270.00 sebulan dengan \$30.00 lagi dimasukkan ke dalam akaun simpanan pekerja (Berita Harian, 9 November 1966).

Tan Sri Syed Esa kemudiannya menutup penggulungan dengan berkata, “... banyak bukti menunjukkan bahawa pendakwa telah melakukan biadab kepada majikannya semasa bekerja”. Setelah mendengar keterangan daripada kedua-dua belah pihak, mahkamah menolak tuntutan royalti sebanyak \$18,000 yang dikemukakan oleh Basmeh kepada bekas majikannya. Mahkamah memutuskan supaya Basmeh membayar semula hutangnya terhadap Edrus sebanyak \$1650.00 dan membayar yuran guaman Edrus (Berita Harian, 18 Mac 1967).

### *Berpindah ke Petaling Jaya*

*Qalam Press* terus beroperasi di Singapura sehingga tahun 1967. Atas nasihat Tan Sri Syed Nasir Ismail yang pada ketika itu merupakan pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) juga merupakan rakan baik Edrus telah mencadangkan agar *Qalam Press* berpindah ke Petaling Jaya. Operasi percetakan lebih mudah dilakukan di Petaling Jaya kerana berhampiran dengan Kuala Lumpur, ini termasuklah urusan kewangan kerana pada ketika itu *Qalam Press* memperoleh banyak projek percetakan termasuklah mencetak *Tafsir Al-Quran Pimpinan al-Rahman* dan

menerima upah mencetak daripada DBP untuk mencetak buku-buku tulisan jawi bagi keperluan kanak-kanak dan pelajar-pelajar sekolah. Operasi *Qalam Press* kemudiannya telah dipindahkan ke kilang bernombor 8247, Jalan 225 (bangunan MARA) Petaling Jaya, Selangor sementara kilang di Geylang Road, Singapura telah dipindahkan ke 54, lorong G, Telok Kurau dan dikecilkkan sebagai cawangan *Qalam Press* (Syed Ahmad Luthfi Syed Abdullah Al-Edrus).

Tan Sri Syed Nasir turut membantu menyediakan lokasi kilang percetakan *Qalam Press* dan semua kos pengangkutan perpindahan diberi percuma. Beberapa orang pekerja *Qalam Press* dari Singapura turut dibawa bersama termasuklah beberapa orang penulis seperti Ustaz Ahmad Sanahaji bin Mohd Hj. Sanaji dan Haji Sirat, pembaca pruf Raja Abdul Aziz, pengatur huruf Haji Daim, pengendali mesin Syarifudin bin Alias serta ketua bahagian mengetuk dan melipat Ah Weng (temu bual Syed Ahmad Luthfi, 7 Januari 2019). Dalam cetakan terakhir majalah *Qalam* di Singapura, rencana pengarang menyebut:

Alhamdulillah, telah tiba masanya kita mengambil keputusan memindahkan ibu pejabat kita ke Petaling Jaya, Kuala Lumpur sesudah mengadakan khidmatnya dari suatu ke suatu masa di pulau Singapura ini. Perpindahan yang kita lakukan tidak lain kerana mengikuti luasnya perkembangan bahasa kebangsaan di sana yang dahulunya kita perjuangkan bersama-sama terus-menerus sehingga tertaja Kongres Bahasa di Singapura yang menjadi bibit tumbuhnya kemajuan bahasa di seluruh tanah air (*Qalam*, September 1967).



Rajah 9: Pejabat dan Kilang Percetakan *Qalam Press* di Jalan 225, Petaling Jaya. Kini sebagai Pusat Giat Mara  
Sumber: Koleksi peribadi penulis

#### *Penutupan Qalam Press*

Edrus hanya sempat mengetuai operasi *Qalam Press* selama dua tahun di Petaling Jaya sebelum beliau menghembuskan nafas terakhir di rumahnya no.54, Lorong G, Teluk Kurau, Singapura ketika menjelang subuh hari Isnin 20 Oktober 1969 pada usia 58 tahun akibat penyakit kencing manis (*Berita Harian*, 21 Oktober 1969). Menurut anak beliau, Edrus telah lama menghidap

penyakit tersebut, setiap pagi setelah selesai sembahyang subuh berjemaah dengan anak-anak, beliau akan memantau kandungan gula dalam darah dan menyuntik sendiri insulin (temubual Sharifah Umamah Syed Abdullah Al-Edrus, 4 April 2019). Setelah Edrus meninggal dunia, tugas-tugas penerbitan dan pengurusan *Qalam Press* kemudiannya diambil alih oleh dua orang anak beliau iaitu Syed Edrus dan Syed Ahmad Luthfi, Abdul Aziz Mursyidi pula mengambil alih tugas Edrus sebagai ketua pengarang. Syed Edrus mengendalikan hal-hal yang berkaitan pengurusan dan pentadbiran sementara Syed Ahmad Luthfi mengendalikan bahagian teknikal seperti pengurusan jentera dan percetakan. Walau bagaimanapun, pengalaman yang sangat kurang dalam urusan penerbitan membataskan usaha untuk meneruskan legasi *Qalam Press*. Akhirnya *Qalam Press* tidak boleh diselamatkan lagi dan terpaksa ditutup pada penghujung 1969 (Berita Harian, 26 Februari 1970).

### KESIMPULAN

Sesuai dengan statusnya sebagai sebuah syarikat milik persendirian, banyak keputusan daripada penulisan, penerbitan, pengedaran sehingga kepada urusan perniagaan dilakukan hampir kesemuanya oleh peneraju utama *Qalam Press* iaitu Syed Abdullah Hamid al-Edrus. Justeru sebagai seorang yang memiliki sebuah syarikat percetakan persendirian, Edrus bebas menentukan aliran pemikiran beliau dan melontarkan buah fikiran mengikut kemahuannya. Setiap pandangan atau kritikan yang dikemukakan adalah mengikut tafsiran Edrus sehingga beliau banyak menerima kecaman daripada pelbagai pihak yang tidak bersetuju dengan apa yang diketengahkan dalam bahan terbitan *Qalam Press* khususnya majalah *Qalam* (Mohd Shahrul, Arba'iyah & Mohd Firdaus, 2021). Seringkali dilihat, isu yang dibincangkan mendapat reaksi dalam kalangan khalayak pembaca sama ada tokoh politik, tokoh perundangan, tokoh agama, media massa, sosial maupun masyarakat awam (Mohd Firdaus, Arba'iyah, Mohd Shahrul, Norasmahani, & Norazilawati, 2021).

Hasil kajian mendapati, *Qalam Press* berjaya menjadi salah sebuah syarikat percetakan persendirian Melayu yang bertahan lama dalam industri percetakan di Tanah Melayu iaitu selama 21 tahun. Edrus dilihat mempunyai pelbagai strategi dalam menjana keuntungan agar dapat menampung modal penerbitan majalahnya agar terus kekal bertahan dan syarikatnya tidak ‘gulung tikar’. Antaranya menerima bantuan yang diberikan bagi DBP membolehkan *Qalam Press* mencetak buku-buku untuk bacaan sekolah. Selain itu, *Qalam Press* mengambil upah mencetak, menjual gambar, menterjemah buku dan menerbitkan majalah hiburan yang mengikut selera pembaca pada ketika itu seperti majalah *Aneka Warna*. Jika tidak dilakukan sedemikian, sudah tentu penyebaran risalah agama melalui majalah *Qalam* sukar dilakukan kerana *Qalam Press* tidak boleh hidup dengan hanya bergantung kepada hasil penjualan majalah agama. Sepanjang tempoh keberadaannya dalam dunia penerbitan, *Qalam Press* berjaya meningkatkan prestasi syarikat sehingga mampu memiliki jentera dan teknologi percetakan yang dapat memberi pulangan keuntungan kepada syarikat. Meskipun Edrus menghadapi tekanan dan cabaran tertentu dalam menguruskan syarikat penerbitan ini, namun ia tidak menjadi penghalang untuk *Qalam Press* terus beroperasi berdasarkan kemampuan serta perkembangan arus semasa pada ketika itu. Justeru, tidak menghairankan *Qalam Press* mampu bertahan dalam tempoh dinyatakan meskipun kebanyakan syarikat penerbitan yang menerbitkan bahan-bahan bacaan

bercorak agama sebelum dan selepas kemerdekaan Tanah Melayu hanya mampu bertahan dalam tempoh yang singkat.

#### BIODATA

*Mohd Shahrul Azha Mohd Sharif* merupakan calon Ph.D di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Email: shahrulazhasharif@gmail.com

*Arba'iyah Mohd Noor* merupakan pensyarah kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Email: arbaiyah@um.edu.my

*Mohd Firdaus Abdullah* merupakan pensyarah kanan di Program Sejarah, Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa (SPHEA), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Email: mfa@ukm.edu.my

#### RUJUKAN

- A. Samad Ismail. (1993). *Memoir A. Samad Ismail di Singapura*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Aziz Hussain. (1959). *Penerbitan buku-buku dan majalah-majalah Melayu di Singapura di antara bulan September 1945 dengan bulan September 1958* [Latihan Ilmiah, Universiti Malaya Singapura].
- Abdullah Hussain. (2005). *Sebuah perjalanan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Hanifah Jamil. (2020). Loteri UMNO Malaya 1946-1969. *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 29(1), 117-142.
- Boldt, A. (2014). Ranke: Objectivity and history. *Rethinking History*, 18(4), 457-474.  
<https://doi.org/10.1080/13642529.2014.893658>
- Berita Harian*. (1962, Februari 25). Salina dan dunia-nya.
- Berita Harian*. (1963, Januari 28). Sengeketa pekerja2 Qalam dia-adili.
- Berita Harian*. (1963, Januari 30). Qalam kadang kering.
- Berita Harian*. (1963, Januari 31). Penjelasan Enche Edrus.
- Berita Harian*. (1963, Mac 9). Edrus jelaskan kesulitan-nya.
- Berita Harian*. (1966, November 9). Bichara Qalam hari yang ke-2.
- Berita Harian*. (1967, Mac 18). Kalau terpaksa bayar, Edrus terpaksa menutup Qalam.
- Berita Harian*. (1967, Mei 17). Mahkamah tolak tuntutan Basmeh.
- Berita Harian*. (1969, Oktober 21). Pengarang Edrus (Qalam) meninggal di-S'pura.
- Berita Harian*. (1969, Oktober 24). Edrus meninggal dunia.
- Berita Harian*. (1970, Februari 26). Qalam Press ditutup.
- Berita Harian*. (1973, Julai 22). Kejayaan Ahmad Luthfi: Dari pengatur huruf sehingga menjadi seorang pengusaha cetak.
- Berita Harian*. (1982, Oktober 18). *Edrus: Sasterawan, Wartawan yang menerbitkan sendiri akhbar*.
- Hamedy Adenan. (2013). *Majalah Melayu selepas perang: Editorial, sirkulasi dan iklan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hashim Ismail, & Mohd Hanafi Ibrahim (Ed.) (2019). *Ahmad Luthfi: Pembangkit semangat zaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalidah Adibah Amin. (1957). *Ahmad Luthfi on the education and freedom of women: A critical examination of his views on the education and freedom of Muslim women in Malaya as stated and implied* [Latihan Ilmiah, University of Malaya Singapore].
- Keris Mas. (1979). *Memoir Keris Mas: 30 tahun sekitar sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Li Chuan Siu. (1967). *Ikhtisar sejarah pergerakan dan kesusasteraan Melayu moden 1945-1965*. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara.
- Mahani Musa. (2018). Reconstructing the past through oral history: A Malaysian experience. *Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities*, 25(1), 39-58. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2022-3801-10>
- Mahaya Mohd Yassin. (1981/1982). *Struktur plot novel-novel Ahmad Luthfi* [Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya].
- Majlis*. (1953, November 4). Bil. 88.

- Maziyah Deraman. (1992/1993). *Majalah Qalam (1950-1955)* [Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Mohd Firdaus Abdullah, Arba'iyah Mohd Noor, Mohd Shahrul Azha Mohd Sharif, Norasmahani Hussain, & Norazilawati Abd Wahab. (2021). Di sebalik isu Natrah, 1950: Reaksi pembaca The Straits Times terhadap tragedi Natrah (Behind the issue of Natrah, 1950: The Straits Times Reader's Reaction to the Natrah tragedy). *Jurnal of Al-Tamaddun*, 16(1), 47-64. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol16no1.4>
- Mohd Shahrul Azha Mohd Sharif, & Arba'iyah Mohd Noor. (2019). Syed Abdullah Hamid Al-Edrus: Penulis, penerbit dan pengasas Qalam. *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 28(1), 86-101.
- Mohd Shahrul Azha Mohd Sharif, Arba'iyah Mohd Noor, & Mohd Firdaus Abdullah. (2021). Belenggu pemikiran masyarakat Melayu Islam di Tanah Melayu: Peranan majalah Qalam sebelum merdeka (1950-1957). *Islāmiyyāt*, 43(1), 15-26.
- Muhammad Aslah Akmal Azmi, & Mohd Samsudin. (2018). Propaganda British di Tanah Melayu pada zaman Perang Dunia Pertama (1914-1916). *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(4), 42-57. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2018-3404-02>
- Qalam*. (1952, September). Bil. 26.
- Qalam*. (1952, November). Bermesyuaratlah (bil. 28).
- Qalam*. (1953, Mei). Perjuangan rakyat ditindih dengan jalan halus (bil. 34).
- Qalam*. (1953, Ogos). Perniagaan Melayu (bil. 37).
- Qalam*. (1953, Disember). Bil. 41.
- Qalam*. (1954, Julai). Juara-juara demokrasi.
- Qalam*. (1955, Oktober). Kopi pahit (bil. 63).
- Qalam*. (1956, Ogos). Perpustakaan Melayu: Qalam menghadapi perkembangan-perkembangan persuratan masa yang akan datang (bil. 73).
- Qalam*. (1956, September). Dari hal kita (bil. 74).
- Qalam*. (1958, Oktober). Bil. 87.
- Qalam*. (1958, April). Dari hal kita (bil. 93).
- Qalam*. (1959, September). Disekitar persoalan kritik (bil. 110).
- Qalam*. (1962). Kitab-kitab dan buku-buku agama (bil. 144).
- Qalam*. (1965, Februari). Bil. 175.
- Qalam*. (1967, September). Bil. 206.
- Qalam*. (1970, Mei). Bil. 229.
- Shaharom Husain. (1963). *Pengarang-pengarang novel Melayu dan karyanya*. Singapura: Pustaka Melayu.
- Singapore Gazette*. (1946-1957). Bills supplement published by authority.
- Singapore Standard*. (1953, November 2). Read Qalam and Warta.
- Syed Abdullah Yahya. (1961). *Ahmad Luthfi: Pandangannya tentang masalah-masalah pendidikan, pergaulan dan kekeluargaan dalam masyarakat Melayu moden* (Latihan Ilmiah, Universiti Malaya).

- Talib Samat. (2004). *Ahmad Luthfi: Penulis, penerbit dan pendakwah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- The Straits Times*. (1963, Januari 30). Printing press.
- The Straits Times*. (1963, Februari 28). Have two papers abuse freedom?
- United Malays National Organisation (UMNO)*. (1953-1954). Penyata UMNO 1953-1954.
- Warta*. (1953, November 6). Qalam dan Warta dibakar.